**Larangan merokok tak jejas perniagaan, kata pengusaha kedai makan**

January 13, 2020 8:22 AM




KPKT akan menyediakan kawasan khas merokok untuk kedai makan di 155 PBT di seluruh negara.

PETALING JAYA: Beberapa pengusaha kedai makan berpendapat peraturan larangan merokok yang dilaksanakan kerajaan tidak menjejaskan perniagaan mereka.

Pengusaha kedai makan di Seri Kembangan, Selangor berkata mereka amat bersetuju dengan langkah kerajaan itu.

Ibrahim Awang, 52, berkata bagi peniaga kedai makan yang menerapkan konsep keluarga, peraturan itu amat bagus dan memberi keselesaan kepada pelanggan.

"Sebab nak kata impak perniagaan, saya tak rasa ada impak.

"Kita tak suka budak-budak (melepak) hisap rokok. Lagi pun jarak 3m dari meja hanya ambil masa 2 hingga 3 minit sahaja untuk mereka hisap rokok. Tak ada masalah apa-apa," katanya kepada FMT.

Beliau juga berkata pelanggan yang sukakan suasana keluarga memang setuju dengan larangan tersebut.

Namun, Ibrahim tidak setuju dengan cara penguat kuasa membawa media ketika menyaman perokok.

"Tak perlu membazir dan bawa orang media masuk TV. Tak perlu memalukan orang."

Tambahnya, dia bersetuju jika kerajaan menyediakan tempat khas merokok di tempat awam dan peniaga sepertinya boleh memohon kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Ini bergantung perbincangan dengan PBT, dan kalau berminat boleh kemukakan permohonan," katanya.